

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
MANENTUKAN SATU KAEDAH TETAP BAGI ZAKAT KWSP**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor untuk mendapatkan pertimbangan dalam menentukan satu kaedah tetap bagi zakat KWSP.

**2. LATAR BELAKANG**

Mesyuarat Fatwa 1/2000 telah sebulat suara menetapkan kaedah pembayaran zakat KWSP ini dengan mengenal pasti kaedah iaitu:

**2.1 Kaedah Pertama**

2.1.1 Wang Simpanan KWSP adalah wajib dikeluarkan zakat sekiranya cukup haul dan sampai nisab. Sebaik-baiknya zakat itu di bayar daripada wang simpanan tersebut. Jika sukar untuk mengeluarkan wang simpanan itu, maka harus ditangguhkan pembayaran zakat sehinggalah dikeluarkan kelak. Sekiranya melalui beberapa tahun, maka hendaklah dikira mengikut bilangan tahun dan wang yang tersimpan pada masa itu. Walaubagaimanapun, jika zakat dikeluarkan pada setiap tahun dengan wang yang lain dikira sah kerana nilai wang adalah sama.

2.1.2 Antara hujah yang disarankan adalah المشقة تجلب التيسير bermaksud “**kesulitan dapat menarik kemudahan**”

Ini berdasarkan ayat Al-Quran yang berbunyi:

a) (Al-Baqarah 185)

يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Bermaksud : Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan.

b) (Surah Al-Haj)

وما جعل عليكم في الدين من حرج

Bermaksud : Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.

c) Dan Rasulullah S.A.W pula ada menyebut dalam hadisnya:

يسروا ولا تسعروا

Bermaksud : Permudahkanlah dan janganlah kamu mempersulitkan. (Shahih Bukhari).

2.1.3 Kita lihat bahawa menjadi kesulitan kepada umat Islam umumnya untuk membayar zakat wang KWSP mengikut tahun-tahun yang berlalu. Antaranya mereka terpaksa mendapatkan semula segala penyata dan akhirnya ditakuti timbul perasaan malas lalu bayaran zakat pun tidak di keluarkan. Dan sebagai bukti mereka lebih selesa membayar terus 2.5% daripada jumlah wang KWSP yang diterima kerana mereka merasakan wang tersebut wajib di zakatkan kerana telah tersimpan lama. Sebelum mereka gunakan wang tersebut adalah lebih baik di bersihkan dahulu supaya berkat. Keadaan uini adalah lebih baik daripada mereka langsung tidak mahu membayarnya. Justeru itu kita perlu mencari satu kaedah pendekatan agar umat Islam terlepas dari dosa. Ini kerana jika kita

menetapkan satu kaedah yang terlalu sempit atau sukar bermakna ramailah umat Islam yang terus melakukan dosa.

## 2.2 Kaedah Kedua

- 2.2.1 Bila terima tunggu setahun dan barulah didarab dengan 2.5%.
- 2.2.2 Bila terima terus didarabkan dengan 2.5% dan tidak perlu tunggu setahun;
- 2.2.3 العادة محكمة bermaksud: “ Kebiasaan dapat ditetapkan sebagai satu hukum”. Hujah ini berdasarkan kepada sepotong hadis Rasulullah S.A.W:

ما رآه المسلمون حسن فهو عند الله حسن

Bermaksud : “Apa yang dipandang baik oleh kaum muslimin adalah baik pula menurut Allah”.

- 2.2.4 Kita lihat telah menjadi satu kebiasaan umat Islam di Malaysia ini iaitu mengeluarkan zakat wang KWSP nya sebanyak 2.5% secara terus bilamana menerima wang tersebut. Mereka tidak perlu menunggu setahun ataupun membayar mengikut tahun-tahun yang sebelumnya. Maka keadaan ini adalah lebih baik daripada menunggu setahun, kerana dikhuatiri jika tunggu setahun nescaya wang tersebut tidak akan dizakatkan kerana tidak akan berbaki setelah dibelanjakan. Jika berbaki pun mungkin tidak cukup nisabnya. Dalam hal ini pendekatan “Mencegah lebih baik daripada mengubat” patut digunakan.

2.2.5 Ia juga dapat menghindarkan perasaan tidak mahu membayar langsung kerana jika mesti membayar bagi tahun-tahun yang sebelumnya. Ini kerana mereka akan dapati jumlah yang mesti mereka keluarkan terlalu banyak. Sekurang-kurangnya kaedah ini dapat mendidik jiwa manusia yang suka kepada harta dan yang tamak kepada harta tentang kewajipan berzakat. Iaitu, mereka boleh mengumpul harta, tetapi bayarlah zakat bila cukup syarat.

### 3. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

**“Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang mukatabar didalam Islam dan keputusannya adalah dengan menerima pakai kedua-dua kaedah tersebut”.**